

Tun Mahathir syor wujud Fakulti Kejuruteraan Petroleum di UMS

Chris Maskilone

DE 02.05.2012 /

KOTA KINABALU: Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mencadangkan Fakulti Kejuruteraan Petroleum ditubuhkan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) berikutan kemunculan industri minyak dan gas di Sabah.

Katanya, ini penting kerana kajian Petronas menunjukkan Sabah tidak lama lagi akan menjadi negeri terkaya daripada segi sumber aslinya.

"Jadi sudah tentu kita memerlukan para jurutera dalam petro kimia, cari gali dan kita tidak boleh lepaskan peluang ini hanya kerana kita tidak mempunyai kepakaran yang diperlukan," katanya.

Menyampaikan syarahan mengenai Pembangunan Sosio-Politik Sabah dalam Konteks Malaysia di dewan syarahan utama pada Selasa, Dr Mahathir berkata, Malaysia mungkin hanya mengeluarkan sedikit minyak iaitu kira-kira 650,000 tong sehari berbanding Arab Saudi yang mengeluarkan kira-kira 12 juta tong sehari.

Bagaimanapun, syarikat petroleum nasional Malaysia, Petronas, terlibat dalam kedua-dua aliran dan huluan industri gas membolehkannya meraih faedah sepenuhnya, kata beliau.

"Mungkin dengan penubuhan fakulti (Kejuruteraan Petroleum) itu di Sabah kita akan dapat menikmati lebih banyak lagi daripada industri minyak dan gas," katanya.

MP Kimanis Datuk Anifah Aman juga telah mencadangkan proposisi serupa dengan menggesa Petronas menubuhkan kampus cawangan Universiti Teknologi Petronas di sebuah tapak seluas 600-ekar di Mandahan Kimanis dekat sini.

Beliau berkata, tapak yang dicadangkan itu sesuai kerana terletak hampir dengan Terminat Minyak dan Gas (SOGT) di situ.

Sementara itu, daripada segi pembangunan sosial, Dr Mahathir mendapati Sabah telah mengalami pertumbuhan besar berbanding kali pertama beliau melawat Sabah pada 1965.

Katanya, beliau datang ke Sabah bersama Timbalan Perdana Menteri ketika itu Tun Abdul Razak untuk bertemu dengan para pemimpin Sabah kerana terdapat khabar angin yang Sabah dan Sarawak mungkin akan menyertai Singapura untuk keluar daripada Persekutuan Malaysia dan mewujudkan sebuah negara baharu.

Ketika itu, katanya, tidak ada jalan raya dan hanya ada seorang sahaja pemimpin Sabah yang mempunyai kereta Jaguar tetapi beliau hanya boleh memandunya melepasi rumahnya dan beberapa kilometer ke hadapan sebelum berpatah balik ke rumah.

Selepas bertemu dengan para pemimpin di Sabah, katanya, syukurilah rakyat Sabah telah mengambil keputusan untuk kekal di dalam Malaysia.

Katanya ada satu transformasi sosial yang ketara dan walaupun fikiran sempit adalah sesuatu yang sukar untuk dikikis, hubungan antara rakyat Malaysia di Semenanjung dan Sabah menjadi semakin erat.

"Ini adalah sesuatu yang istimewa kerana ia tidak dirancang... walaupun kita masih mempunyai perasaan dari negeri mana kita berasal tapi kita semua bersetuju bahawa kita adalah rakyat Malaysia," katanya.

Tidak seperti negara-negara lain, Dr Mahathir berkata dilaporkan dalam akhbar bahawa perang dan membunuh orang berlaku hanya kerana perbezaan agama dan bangsa.

"Di Malaysia, kita ada sesuatu yang sangat berbeza walaupun kita mempunyai begitu banyak kumpulan etnik dan latar belakang kebudayaan dan juga dari segi ekonomi, kita tidak sampai ke tahap itu.

"Benar, ada beberapa rasa tidak puas hati tapi kita tidak mengeluarkan pistol (dan tembak) walaupun ada yang berminat untuk mencetuskan huru-hara dan menunjukkan seolah-olah kita hidup di bawah kezaliman.


"Tapi bagi kita, orang-orang yang berfikiran rasional, tidak ada yang begitu menekan kita sehingga memaksa kita bertindak ganas terhadap kerajaan," katanya.

Dr Mahathir berkata adalah menjadi sifat semulajadi manusia bahawa akan wujud satu kumpulan manusia yang tidak berpuas hati.

"Malah selepas memberi mereka (apa yang mereka mahukan), masih ada yang mereka mahu lagi," katanya.

Beliau berkata adalah penting agar kita memulihara keamanan dan keharmonian sedia ada yang terjalin di kalangan semua kumpulan etnik di Malaysia, yang telah membolehkan negara menikmati pembangunan pesat.

Beliau membayangkan satu hari nanti, rakyat Malaysia tidak lagi merasa terasing tidak kira di negeri mana mereka berada.



DR. MAHATHIR menerima cenderamata daripada Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof. Datuk Seri Dr.Kamaruzaman Haji Ampon sambil diperhatikan oleh Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Haji Yahya Hussin.